

# Jejak Menara di UMS Sabtu ini

NST 13.3.2014 5

KOTA KINABALU: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Zon Sabah akan menganjurkan Program Jejak Menara khas untuk lepasan SPM, STPM dan STAM di Sabah bertempat di Dewan Kuliah Pusat 1, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 15 Mac 2014 (Sabtu).

Program ini terbuka dan percuma untuk pelajar-pelajar yang sedang menunggu kepu-

tusan peperiksaan yang bakal memasuki menara gading.

Program Jejak Menara ini merupakan salah satu program YADIM meliputi 14 lokasi (14 negeri) dan sebagai satu pendekatan YADIM untuk mendekati pelajar-pelajar yang bakal menuntut di IPT / IPTA.

Oleh kerana program ini julung kali diadakan di Sabah, Haji Samin Haji Ongki, Pen-

garah YADIM Zon Sabah berharap agar pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan dapat mengambil peluang ini.

Masa pendaftaran adalah seawal jam 8:00 pagi dan program akan dijangka berakhir jam 5:00 petang. Selain mengikuti taklimat kerjaya, makan minum dan sijil juga akan disediakan untuk peserta.